

2 JAN 1996

DR MAHATHIR LAWAT KONTERENA TERBESAR APL

KUALA LUMPUR, 2 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat kapal pengangkut APL China, iaitu salah sebuah dari enam kapal pengangkut APL yang memberikan perkhidmatan terus antara Malaysia dan Amerika Utara, apabila kapal pengangkut itu tiba di Pelabuhan Klang pada 9 Jan nanti.

APL Agencies Sdn Bhd menyatakan dalam satu kenyataan hari ini, ketibaan kapal pengangkut berkapasiti 4,800 (TEU) itu ke Pelabuhan Klang, akan menandakan satu peristiwa penting dalam perkhidmatan perkapalan antara Pelabuhan Klang dan pelabuhan-pelabuhan utama di Pasifik, yang diberikan oleh APL dan empat lagi syarikat perkapalan di bawah konsortium Global Alliance.

APL dan Global Alliance memberikan perkhidmatan kepada perdagangan yang pesat berkembang antara Malaysia dan pasaran dunia.

Perkhidmatan terus itu akan memberikan masa pelayaran terpantas, iaitu 17 hari, antara Pelabuhan Klang dan Pantai Barat Amerika Syarikat.

Pengerusi American President Companies Ltd (APC), George Hayashi akan menyambut ketibaan Dr Mahathir di kapal pengangkut APL China nanti.

APC ialah syarikat induk kepada American President Lines Ltd, yang bersama-sama dengan Essmarine Agencies Sdn Bhd, telah menubuhkan APL Agencies Sdn Bhd pada bulan Julai tahun lepas. -- BERNAMA